

Doktor dan jurutera dalam satu



Dr Abu Bakar Othman mempunyai pentauliahan sebagai doktor perubatan dari NUS dan juga ijazah kejuruteraan daripada SUTD. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

Tidak ramai pesakit yang ditemuinya semasa bertugas di hospital mungkin sedar bahawa Dr Abu Bakar Othman, 28 tahun bukan sekadar doktor perubatan malah mempunyai kelayakan kejuruteraan.

Beliau merupakan antara pelajar program laluan khas Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD)-Duke NUS yang berpeluang meraih ijazah kejuruteraan sebelum menyambung pengajian di fakulti perubatan.

Bercakap dengan *Berita Harian* (BH) baru-baru ini, Dr Abu Bakar, yang kini bertugas sebagai Pegawai Perubatan dalam jabatan Perubatan Am di

Hospital Besar Changi (CGH), berkata pengalamannya di SUTD membantu beliau berfikir secara analitikal dan kreatif semasa bertemu pesakit.

Pendekatan itu membolehkan beliau benar-benar memahami keperluan pesakit, ujar beliau.

“Ia membantu saya mengupas aduan pesakit yang kompleks kepada langkah yang lebih sistematik dan mencapai diagnosis dengan lebih yakin supaya rawatan boleh diberikan dengan berkesan,” kata beliau.

■ **Laporan lanjut di Muka 5**

BERITA

Doktor perubatan miliki ilmu kejuruteraan

Antara pelajar program Laluan Khas Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD)-Duke NUS

► RUBIAH MOHD
rubiahmohd@sph.com.sg

Minat yang tertanam sejak menajani Perkhidmatan Negara (NS) kini menjadi kenyataan apabila Dr Abu Bakar Othman menamatkan pelajarannya di Sekolah Perubatan Duke-NUS baru-baru ini.

Dr Abu Bakar, 28 tahun, merupakan satu-satunya lulusan Melayu dalam kohortnya yang lulus pada 2025, namun, perjalanannya ke dunia perubatan bukanlah laluan biasa.

“Saya merupakan antara pelajar program Laluan Khas Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD)-Duke NUS, yang saya sertai selepas peperiksaan GCE peringkat ‘A’,” katanya yang sekarang sedang berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Changi (CGH) dalam jabatan Perubatan Am.

Program khas itu menggabungkan ijazah kejuruteraan di SUTD, dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan, sebelum menyambung pelajaran ke Fakulti Perubatan di Duke-NUS.

Mereka yang mengikuti laluan berkenaan akan menerima ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan ataupun Sarjana Muda Sains selepas tiga se-

ngah tahun menuntut di SUTD.

Siswazah kemudian harus memenuhi kriteria penerimaan terakhir, termasuk Gred Mata Purata (GPA) sekurang-kurangnya 4.4 mata untuk layak menerima ijazah Doktor Perubatan (MD) di Sekolah Perubatan Duke-NUS.

Laluan bersyarat itu memberikan peluang unik untuk menggabungkan latar belakang teknikal dengan amalan klinikal – kesempatan yang Dr Abu Bakar, bekas pelajar Sekolah Menengah Ngee Ann dan Maktab Rendah Temasek, memanfaatkan sepenuhnya.

“Motivasi saya untuk menceburi bidang perubatan berkembang secara beransur-ansur,” jelasnya.

“Pengalaman melihat ahli keluarga saya menghadapi masalah kesihatan yang sukar membuat saya sedar bagaimana seorang doktor mampu memberi impak besar.

“Saya melihat perubatan sebagai gabungan cabaran intelektual, impak sosial, dan peluang untuk membantu orang lain secara langsung,” kata Dr Abu Bakar.

Menurutnya lagi, latar belakang kejuruteraan beliau banyak membentuk cara beliau mendekati pesakit.

“Program Kejuruteraan SUTD menekankan pemikiran analitikal



Dr Abu Bakar kini bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Changi (CGH) sejak menamatkan pengajiannya. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

dan kreativiti.

“Kami dilatih untuk memahami keperluan pengguna – sama seperti dalam perubatan, kita mesti memahami dan menghormati nilai serta keperluan pesakit untuk mencapai matlamat bersama,” ujarnya.

Dr Abu Bakar turut menekankan bagaimana pemikiran algoritma yang dipelajari dalam kejuruteraan membantu dalam proses diagnostik.

“Ia membantu saya mengupas aduan pesakit yang kompleks kepada langkah yang lebih sistematik dan mencapai diagnosis dengan lebih yakin supaya rawatan boleh diberikan dengan berkesan,” tambahnya.

Namun, peralihan daripada dunia kejuruteraan ke perubatan bukanlah mudah.

“Memang mencabar apabila beralih daripada membuat pengiraan dan

prototaip kepada mendapatkan sejarah perubatan, melakukan pemeriksaan fizikal, dan merancang rawatan.

“Tapi saya dikelilingi oleh rakan-rakan dan senior yang sangat membantu,” katanya.

Untuk kekal seimbang, Dr Abu Bakar aktif bersukan dan berganung pada sokongan sosialnya.

“Saya berenang, berlari, latihan kekuatan dan tinju untuk mengurangkan tekanan. Saya juga ada rakan-rakan seangkatan yang sentiasa sedia mendengar,” katanya.

Menjadi satu-satunya lulusan Melayu bagi 2025 memberi makna mendalam buat dirinya.

“Peluang ini bukan milik saya seorang. Ia hasil daripada sokongan keluarga dan galakan masyarakat Melayu.

“Saya berharap akan ada lebih ra-

mai doktor Melayu pada masa akan datang.

“Konteks budaya sangat penting dalam perubatan, dan dengan lebih ramai doktor Melayu, rawatan kesihatan boleh jadi lebih peribadi dan mudah difahami masyarakat kita,” tambahnya.

Menyentuh tentang keluarga, Dr Abu Bakar juga beri penghargaan atas sokongan mereka yang tidak putus-putus.

“Mereka lah penyokong terbesar saya. Selepas syif yang panjang dan melelahkan, saya tahu mereka sentiasa ada. Harapan mereka adalah harapan saya, dan itu yang memberi saya kekuatan,” katanya penuh rasa syukur.

Bapanya, Encik Othman Mohamed Ali, 69 tahun, yang hadir pada majlis tamat pengajian anaknya itu

“Memang mencabar apabila beralih daripada membuat pengiraan dan prototaip kepada mendapatkan sejarah perubatan, melakukan pemeriksaan fizikal, dan merancang rawatan... Saya harap suatu hari nanti dapat terlibat dalam teknologi perubatan untuk mencipta kaedah rawatan yang lebih baik. Latihan kejuruteraan saya memang membantu saya mengenal pasti kekurangan rawatan sedia ada dan mencari penyelesaian.”

– Dr Abu Bakar Othman yang merupakan lulusan program Laluan Khas SUTD-Duke-NUS.

bersama isteri dan ibu kepada Dr Abu Bakar, Cik Suriati Salim, 64 tahun, berkata:

“Saya gembira dan bangga melihatnya mencapai impiannya. Melihat anak saya yang bongsu menerima sarjana kedoktorannya, adalah saat yang telah kami usahakan dan mendoakan setelah sekian lama,” kata bapa empat orang anak itu.

Melangkah ke depan, selain amalan klinikal, Dr Abu Bakar turut bercita-cita untuk menggabungkan kejuruteraan dengan perubatan pada masa depan.

“Saya harap suatu hari nanti dapat terlibat dalam teknologi perubatan untuk mencipta kaedah rawatan yang lebih baik.

“Latihan kejuruteraan saya memang membantu saya mengenal pasti kekurangan rawatan sedia ada dan mencari penyelesaian,” katanya.